

# 1<sup>ST</sup> WORLD SAMA' FEST

28 JULAI 2017, 8.00 MALAM – 11.00 MALAM

PLENARY HALL, PICC PUTRAJAYA

Salah satu usaha mengembalikan kejayaan peradaban Islam ini ialah dengan diwujudkan kembali kepautan hati pada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w melalui majlis-majlis zikrullah yang dibuat dalam keadaan yang santai dan menghiburkan. Majlis Sama' berupaya mendamaikan jiwa manusia dan membina insan ke arah insan yang Rabbani. Ia juga dapat mewujudkan kerinduan dan kegembiraan dalam ketaatan kepada Allah s.w.t.

Majlis Sama' diibarat seperti kaedah anai-anai yang membina semula jati diri insan. Jika dihidupkan dan disuburkan amat besar manfaatnya jika diketahui. Manfaat majlis ini dapat kepada semua umat Islam dekat dan jauh. Ilmu dan tarbiah menjadi manhaj para ulama yang sufi. Kerana tarbiah amat penting disamping adab dan ilmu di kalangan pencinta Tuhan.

Masalah-masalah sosial dalam masyarakat hari ini sangat berkait rapat dengan hiburan. Mereka menghiburkan diri untuk mendapatkan kebahagiaan. Terdapat segolongan Insan hari ini yang hidup mereka hanya berpandukan akal dan nafsu semata-mata, tidak jelas kepada mereka bahawa sebenarnya beriman dan beramal soleh satu-satunya jalan yang membawa kebahagiaan hidup yang hakiki. Mereka telah membuat berbagai-bagai cara dan andaian dalam usaha mencari kebahagiaan hidup dan hiburan yang sebenar. Sebagai contoh, mendengar nyanyian dan lagu-lagu yang tiada kena mengena langsung dengan ketaatan kepada Allah swt dan disertai dengan penggunaan atau bunyi alat muzik yang melanggari syarak dan mengadakan konsert dengan pergaulan tanpa batas, yang melalaikan fardhu sembahyang, yang sangat berkesan untuk menarik golongan remaja kepada kelalaian.

Demikian contoh yang menunjukkan terdapat insan hari ini yang tidak memahami hakikat, bahawa iman dan amal soleh adalah punca kebahagiaan dan merupakan hiburan yang sejati. Sembahyang yang menjadi tiang agama dan sumber iman itu, telah kurang diperhatikan dan kebanyakan daripada mereka sibuk mencari kebahagiaan hidup melalui cara-cara yang tersebut.

## **Maksud Majlis Sama' atau dinamakan juga Majlis Hadrah.**

Imam Ghazali dalam ihya , dicetak ditepi Ittihaf Saadatil Muttaqin , cetakan dar fikar, muka surat 458, berkata :

Telah menukil oleh Abu Talib al-Makki, keharusan Majlis Sama' daripada para sahabat, beliau berkata {kalangan para sahabat telah hadir majlis sama' oleh Abdullah bin Ja'far r.a, Abdullah bin Zubir r.a, Mughirah bin Syubah, Muawiyah r.a dan selain mereka.}

Dimuka surat 465 beliau menyambung:

Berkata Abu Talib lagi {telah melakukan sedemikian oleh kebanyakan dari Salafus Soleh, dikalanya sahabat dan taabi 'in, sentiasalah mereka yang naik haji ke Mekah di antara kami

mendengar Sama' pada hari-hari yang utama setiap tahun, hari-hari yang diperintahkan Allah beribadat seperti hari –hari Tasyriq} - Ittihaf Saadatul Muttaqin , Juzuk 6, – 468 , cetakan Dar Fikar.

Imam Ghazali menyatakan ciri-ciri khas majlis sama' /hadrah dalam Ihya, muka Surat 296 – Juzuk 2.

Sebaiknya bahawa dikiaskan suara burung murai dan semua suara yang timbul dari tubuh-tubuh berjirim yang diusahakan manusia, seperti suara yang keluar dari kerongkongnya atau bunyi yang terbit dari pukulan kayu cota (sejenis alat muzik), gendang dan kompang.

Dalam kertas kerja (Bahasa arab)- Ar Ruqas wal Ghana' was Sama' indad Thuruq as Shufiyyah – Sayyid Ibn Idris bin Sayyid al-Hassan al-Idrisi- Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasauf Negeri Sembilan. Seremban. 2002 Masihi , tercatit maksud Sama' yang penulis terjemahkan seperti berikut:

Maksud Sama' di sisi ahli Tasawuf ialah salah satu latihan kerohanian yang membiasakannya oleh para murid untuk tujuan pembersihan penyucian rohani. Sama' bukan istilah yang difahami dengan maksud tari menari yang disertai dengan alunan suara nyanyian penyanyi dan alat-alat muzik.

Majlis Sama' yang diwarisi oleh para ahli tasawuf yang terkandung di dalamnya acara alunan bacaan al-Quran yang dibaca oleh Qari yang bersuara merdu, yang boleh menyentuh hati para pendengar dan terkesan di sanubari mereka, atau bacaan-bacaan yang dibenarkan oleh syarak seperti Madih, Selawat, Burdah, Nasyid dan Qosidah, Majlis Ilmu dan makrifah, bacaan kalam-kalam ahli Irfan yang menyedarkan akal dan roh para hadirin tentang kebenaran. Maka Majlis Sama' tidak semestinya disertai dengan alat-alat muzik. Kebanyakan ulamak Tasawuf tidak setuju sesuatu Majlis Sama' disertai alat-alat muzik, sekalipun hanya kompang yang tiada khilaf ulamak mengharuskan penggunaannya.

Majlis Sama' berperanan dalam membina insan ke arah insan Rabbani dan mewujudkan kepautan hati,kerinduan, dan kegembiraan dalam ketaatan kepada Allah. Insan Rabbani ialah apa yang dia fikir, rasa dan buat haruslah selari dan selaras. Jika tiga elemen ini tidak dapat diselarikan dan diselaraskan, maka tidak terlahirlah seorang insan yang boleh membina sesebuah peradaban. Majlis Sama' juga merupakan satu aktiviti yang mampu melahirkan rasa suka, seronok,gembira dan bahagia di dalam melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t

Semoga dengan penerangan yang ringkas ini kita dapat memahami bahawa apakah bentuk hiburan yang sebenar. Bagi seorang mukmin, kegembiraan dan kebahagiaan dalam melakukan ketaatan kepada Allah s.w.t itulah hiburan. Ini kerana Iman itu adalah rasa dan merasai kebahagiaan yang berpanjangan itulah yang dicari oleh semua manusia.